

Perkasa kemahiran diri

Siswazah perlu persiap diri dengan tujuh elemen penting supaya tidak teraba-raba tentukan arah masa depan selepas tamat pengajian



FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@medi-
aprima.com.my

Menjelang majlis konvokesyen di kebanyakan institusi pengajian tinggi (IPT) tidak lama lagi, pastinya nasib ribuan bakal graduan bakal terjawab sama ada mereka memperoleh keputusan cemerlang, sederhana atau sebaliknya.

Lebih penting, adakah mereka mendapat pekerjaan selepas itu?

Malangnya, bukan semua bernasib baik kerana terpaksa menerima hakikat mereka bergelar penganggur terhormat.

Biarpun IPT menyediakan pelbagai platform bagi meningkatkan nilai graduan di pasaran kerjaya, ia belum mampu mengekang masalah pengangguran di negara ini.

Apakah masalahnya?

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Datuk Dr Musa Ahmad berkata, masalah graduan sukar mendapat pekerjaan bukan terletak pada faktor pencapaian akademik semata-mata, malah merangkumi kemampuan memperkasakan pelbagai kemahiran lain mengikut keperluan semasa.

Beliau berkata, graduan di negara ini perlu membuat anjakan minda supaya tidak menjadikan akademik sebagai pengukur peluang memperoleh pekerjaan, sebaliknya perlu disuntik dengan elemen kemahiran diperlukan pasaran.

"Setiap tahun, negara kita melahirkan beribu-ribu graduan daripada pelbagai IPT untuk memenuhi permintaan pekerjaan yang terbatas.

"Sudah tentu ini satu cabaran besar bagi mereka kerana bukan saja terpaksa bersaing bagi merebut tempat, tapi bersaing dengan graduan lama yang masih belum mendapat pekerjaan.

"Untuk bersaing, mereka perlu membuat anjakan minda dan melihat pelbagai sudut keperluan, bukannya mengharapkan pencapaian



SISWA perlu tahu apa yang mahu dicapai sebaik saja menjejakan kaki di institusi pengajian tinggi supaya perancangan berjalan lancar sebaik tamat pengajian. - Gambar hiasan



TERBABIT dengan pelbagai aktiviti di kampus boleh menjadi platform memperkasakan kemahiran diri sekali gus bonus sewaktu melangkah ke alam pekerjaan. - Gambar hiasan

TEROKA dan rebut segala peluang yang ditawarkan universiti sebagai langkah memperbaiki kelemahan diri. - Gambar hiasan



akademik semata-mata," katanya.

Beliau berkata, graduan alaf baru perlu melihat dunia pekerjaan sebagai satu cabaran besar yang komprehensif.

"Keperluan dan cabaran pekerjaan dulu dengan sekarang tidak sama kerana kini lebih kompetitif, lasak dan aktif.

"Majikan tidak lagi meletakkan syarat hanya pada pencapaian akademik, tapi merangkumi ciri-ciri lain sebagai nilai tambah.

"Kemahiran diri adalah

salah satu daripadanya dan majikan sering kali membuat penilaian melaluinya, justeru jika graduan tidak mengambil berat aspek ini, ia satu kerugian besar," katanya.

Kebolehpasaran graduan hari ini lebih ditunjangi dengan keperluan kemahiran insaniah yang menyasarkan kemahiran generik merentasi pelbagai domain pembelajaran merangkumi aspek keperibadian dan kerja berkumpulan.

Terdapat tujuh elemen utama Kemahiran Insaniah iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika profesional dan kemahiran kepimpinan.

Beliau berkata, tujuh elemen itu bukan saja meningkatkan nilai graduan pada mata majikan, malah memberi kelebihan kepada graduan 'memasarkan' diri.

"Alaf baru memerlukan individu dilihat secara kolektif oleh industri.

"Manakala pelbagai kemahiran yang diperkenalkan di universiti bertujuan menampung keperluan graduan melangkah ke alam pekerjaan.



KEMAHIRAN diri perlu dibentuk dan dipupuk sejak awal bagi mengelakkan graduan hilang arah ketika melangkah dalam kerjaya. - Gambar hiasan



CABARAN besar pasti menanti graduan sebaik saja selamat menamatkan pengajian. - Gambar hiasan



DUNIA pekerjaan masa kini terlampau sengit dan kompetitif, justeru mereka yang tidak memenuhi piawaian ditetapkan akan ketinggalan. - Gambar hiasan

“Graduan perlu mempersiapkan diri dengan keperluan itu sejak awal agar tidak teraba-raba menentukan arah masa depan selepas menamatkan pengajian,” katanya menekankan jika golongan terbabit salah membuat perancangan, mungkin sukar memperoleh pekerjaan atau pekerjaan tidak setara kelulusan.

“Pengangguran di kalangan graduan sukar diatasi kerana masih ada kelompok yang tidak pan-

dai membuat perancangan selain hanya berserah pada nasib semata-mata.

“Walaupun pengangguran berlaku di mana-mana, kadarnya perlu diturunkan dari semasa ke semasa.

“Ini juga satu kerugian kepada golongan terbabit. Kerana sikap itu mereka menanggung akibatnya sedangkan peluang pekerjaan yang ada tidak pernah menunggu,” katanya.

Beliau turut menyifatkan kelayakan akademik hari ini seperti bersaing dengan

kemahiran diri.

“Contohnya, saya mempunyai dua calon iaitu A yang mempunyai pencapaian akademik bagus, tapi kurang kemahiran diri.

“Manakala calon B walaupun kelayakan akademiknya tidak terlalu cemerlang, tapi kemahiran dirinya bagus, boleh bekerja secara kumpulan, peka pada persekitaran dan sebagainya.

“Sebagai majikan, tentu B menjadi pilihan kerana dia boleh menjadi aset dengan kemahirannya. Semua majikan melakukan perkara sama bagi tujuan ini,” katanya.

Justeru, beliau berharap agar siswa memanfaatkan sebaik-baiknya pelbagai peluang diberikan sepanjang pengajian sebelum bergraduasi.

“Jangan asyik dengan buku, tapi cuba teroka segala aspek yang boleh membantu untuk ke alam pekerjaan nanti.

“Zaman kebergantungan pada akademik juga perlu dikikis sebaliknya memperkasakan diri dengan kemahiran diri yang sangat bernilai kini pada mata majikan.

“Bagi graduan, jangan terlampau memilih pekerjaan, bertanggung atau menunggu pekerjaan datang kepada anda. Kalau itulah yang dilakukan, anda pasti terus ketinggalan” katanya.

Untuk mempertingkatkan kualiti graduan USIM, setiap siswa diberi penekanan terhadap keperluan Naqli dan Aqli.

“Ini sejajar hasrat USIM melahirkan graduan bertaraf global yang bukan saja memenuhi kehendak pasaran kerjaya, malah menjadi pemimpin yang baik.

“Selain itu, memperkasakan integrasi ilmu Naqli dan Aqli sebagai teras kejayaan mereka,” katanya.

Rancang masa dengan bijak

Oleh Dr Tengku Asmadi Tengku Mohamad

Ramai pelajar gagal bukan sebab mereka tidak bijak, tetapi gagal merancang masanya dengan bijak. Kegagalan merancang masa dengan berkesan menyebabkan mereka banyak membuang masa dan melakukan aktiviti tidak berfaedah. Apabila peperiksaan semakin hampir, barulah sedar bahawa banyak bab belum dibaca, latihan belum dibuat dan fakta belum dihafal.

Kita tidak pernah merancang untuk gagal, tetapi kita sering gagal untuk merancang. Apabila kita gagal merancang kita tidak dapat memanfaatkan masa dengan sebaik-baiknya.

Dalam satu hadis Nabi Muhammad SAW bersabda yang maksudnya:

“Manfaatkanlah lima masa sebelum datang lima masa; Masa hidup kamu sebelum saat mati kamu, masa sihat sebelum datang masa sakit kamu, masa lapang sebelum sibuk kamu, masa muda sebelum masa tua, masa kaya sebelum datang masa ditimpa miskin.” (Hadis riwayat Imam al-Hakim dan al-Baihaqi dari Ibnu Abbas r.a.)

Adakah benar kita gagal memanfaatkan masa? Kerap kali apabila pelajar memberitahu saya mereka tiada masa bagi mengulang kaji pelajaran, saya akan tanyakan mereka kembali, adakah mereka ada masa menonton televisyen, melayari Internet, chatting, bergayut di telefon dan bersebang? Jika jawapannya ‘ada’ maknanya mereka masih punya masa dan sepatutnya memberi keutamaan masa itu untuk belajar.

Berikut adalah beberapa tip untuk memanfaatkan masa:

1) Latih diri untuk fokus seratus peratus apabila melakukan sesuatu perkara.

Berikan tumpuan dan anda akan punya banyak masa terluang. Apabila anda berikan sepenuh tumpuan terhadap apa yang dipelajari sama ada di dalam kelas atau mengulang kaji pelajaran, anda menjimatkan masa belajar.

Kerap kali apa yang berlaku ialah pelajar

main-main dan tidak serius ketika belajar. Semasa dalam kelas mereka tidak memberikan tumpuan apa yang diajar guru. Semasa mengulang kaji pelajaran, mereka tidak memberi fokus, akhirnya mereka belajar semula apa yang dipelajari atau mengulang perkara yang sama.

Pada hal jika pelajar serius dan memberi perhatian, mereka hanya perlu membaca sekali saja.

2) Buat kerja dua dalam satu masa.

Pelajar sering keliru antara menyiapkan kerja sekolah dan mengulang kaji pelajaran pada hal tabiat belajar yang bagus ialah melakukan kedua-duanya dalam satu masa. Kerja sekolah didahulukan sebab ia perlu dihantar segera, tetapi ketika menyiapkan kerja sekolah, cuba tambah bahan bacaan mengenai topik yang diislapkan itu dengan membaca atau membuat rujukan luar.

Jika guru hanya minta siapkan 10 soalan, cuba siapkan lebih banyak sebagai tambahan atau cari soalan dalam buku soalan ramalan atau set peperiksaan tahun sebelumnya. Siapkan juga nota ringkas berkaitan topik itu sebagai persediaan untuk peperiksaan nanti.

Dengan melakukan perkara di atas, anda menyiapkan kerja sekolah dan mengulang kaji pelajaran. Ini pasti menjimatkan masa belajar.

3) Jadual waku mestilah fleksibel.

Ramai pelajar merungut mereka sukar untuk mematuhi jadual belajar yang diatur. Kita kena akur bahawa kita bukannya robot atau mesin yang boleh mula berfungsi dalam masa ditetapkan. Ada ketikanya kita perlu siapkan kerja lain yang mendesak.

Ada waktunya kita perlu membatalkan waktu belajar kerana perlu menziarahi keluarga terdekat, ada tetamu datang ke rumah atau ada aktiviti sekolah yang perlu dihadiri. Ini bermakna waktu belajar yang dirancang tidak dapat dipatuhi.

Biasanya apabila pelajar menyediakan jadual belajar, mereka akan tulis subjek yang mahu dipelajarinya, tetapi pelajar tidak membuat jadual yang spesifik, topik apa yang mahu dipelajari, buku yang mana mahu dibaca dan jumlah muka surat.

Maknanya dia tiada perancangan dan tidak tahu bilakah selesai mengulang kaji semua topik dalam sesuatu subjek. Misalnya, guru yang mengajar kita di sekolah ada perancangan mengajarnya dan dia tahu bilakah semua silibus subjek itu akan habis diajarkan. Jika guru ada jadual mengajar, pelajar juga mesti ada jadual belajar yang formatnya serupa.

4) Siapkan kerja sekolah seawal mungkin

Cuba siapkan kerja sekolah di sekolah apabila ada ruang melakukannya. Mungkin anda tidak dapat menahabiskannya di sekolah, tetapi sebahagiannya dibuat itu sudah memadai. Ini membolehkan anda ada banyak masa untuk menjalankan aktiviti lain apabila tiba di rumah nanti.

Lagi pun apabila anda menyiapkan kerja di sekolah, anda mempunyai peluang untuk bertanya guru dan berbincang dengan kawan jika ada sesuatu yang tidak jelas atau tidak difahami.

5) Sediakan satu buku nota kecil

Buku nota ini khusus untuk mencatat setiap kerja sekolah, tugasan, aktiviti, pengumuman dan apa sahaja yang seumpamanya yang memerlukan anda aturkan masa untuk melakukannya. Kerap kali dalam membuat perancangan, kita terlupa satu atau dua perkara penting hanya kerana semuanya mahu disimpan dan direkod dalam otak tanpa sebarang catatan dibuat.

6) Manfaatkan masa yang pendek

Jika dilihat pergerakan seorang pelajar dalam sehari, mereka ada banyak masa yang pendek terbuang begitu saja. Masa menunggu bas, dalam kenderaan, masuk kelas, menunggu guru masuk, masa guru ada mesyuarat dan masa selepas waktu rehat sebelum masuk semula ke kelas.

Jika dihitung masa yang pendek ini, meski pun hanya lima atau 10 minit setiap kali, jumlahnya boleh menjadi dua jam dalam satu hari. Oleh itu sediakan kad imbasan untuk memanfaatkan masa yang pendek ini.



“Bagi graduan, jangan terlampau memilih pekerjaan, bertanggung atau menunggu pekerjaan datang kepada anda. Kalau itulah yang dilakukan, anda pasti terus ketinggalan”

Profesor Datuk
Dr Musa Ahmad